



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

#### **MINGGU SAINS NEGARA KELUARGA MALAYSIA 2022 BERMULA**

##### **“Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi”**

---

**KUALA LUMPUR, 1 April 2022 –** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan program Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia 2022 bertemakan Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi yang akan bermula hari ini sehingga Oktober 2022. Langkah ini adalah usaha kerajaan memupuk kesedaran dan meningkatkan minat Keluarga Malaysia khususnya golongan pelajar serta belia mengenai kepentingan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kehidupan seharian.

Berucap semasa majlis pelancaran, YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata “pembudayaan STI perlu diperluaskan bukan sahaja secara formal tetapi secara informal. Usaha ini merangkumi pembudayaan berkaitan pengaplikasian teknologi di setiap peringkat masyarakat agar manfaatnya dapat dinikmati lebih ramai masyarakat Malaysia”.

Minggu Sains Negara (MSN) merupakan salah satu inisiatif MOSTI selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021-2030 yang menetapkan matlamat utama menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi dengan menggariskan enam (6) teras, 20 strategi dan 46 inisiatif. Berdasarkan teras strategik kelima iaitu untuk menggalakkan dan memupuk kesedaran orang awam mengenai STI, MOSTI telah mengadakan pelbagai program pembudayaan STI termasuklah pelaksanaan MSN secara tahunan.

Antara objektif utama penganjuran inisiatif MSN adalah untuk:

- i. meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI dalam kehidupan seharian;

- ii. menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) selaras dengan agenda STEM Negara; dan
- iii. menghargai dan mengiktiraf individu dan pihak tertentu yang telah memberi sumbangan dan kejayaan dalam bidang sains.

Selaras dengan konsep gagasan Keluarga Malaysia iaitu keterangkuman (*inclusivity*), kebersamaan (*common ground*) dan kesyukuran (*contentment*) yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri, MOSTI turut mendukung konsep tersebut dengan menjenamakan MSN pada tahun ini sebagai Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia 2022 supaya agenda STI diarusperdanakan ke semua lapisan masyarakat.

YB Datuk Haji Ahmad Amzad berkata bahawa pada tahun ini, “MSN Keluarga Malaysia 2022 bertumpu kepada tujuh (7) bidang utama yang akan difokuskan secara bulanan bermula April hingga Oktober 2022. Antara bidang fokus yang akan diketengahkan adalah Kesihatan Planet sempena sambutan *World Earth Day*, Kimia dan Bioteknologi sempena *World Biodiversity Day*, Kegunaan Aman Nuklear sempena *World Environment Day*, Inovasi Sosial sempena *International Youth Skills Day*, Kejuruteraan sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 *Board of Engineers Malaysia* (BEM), Nanoteknologi sempena *World Nano Day* dan Angkasa sempena *World Space Week*. Setiap bidang fokus menerapkan tema rentas kluster iaitu kreativiti, inovasi, komunikasi sains, keselamatan, ekonomi, kesejahteraan rakyat, kelestarian alam, kerjasama antarabangsa, pembudayaan dan revolusi industri keempat (4IR)”.

Pemilihan bidang fokus ini adalah bertujuan untuk memberi penekanan dan kefahaman terhadap kepentingan STI dalam menjaga alam sekitar serta keupayaan bidang-bidang sains yang lain dalam menyumbang kepada kelestarian alam khususnya kepada kelestarian angkasa. Oleh yang demikian, pemilihan bidang fokus bagi MSN Keluarga Malaysia 2022 ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain serta turut menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG).

MSN yang dilaksanakan sejak tahun 2018 telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan di kalangan pelajar sekolah, pelajar

institut pengajian tinggi, belia dan masyarakat umum. Penganjuran MSN kali ini merupakan tahun ketiga dijalankan sepenuhnya secara dalam talian ekoran penularan wabak COVID-19 sejak tahun 2020. Setiap program MSN mensasarkan penglibatan daripada pelbagai segmen Keluarga Malaysia seperti pelajar sekolah, pelajar kolej dan institut pengajian tinggi, para guru, pemain industri serta orang awam.

Tempoh pelaksanaan program juga telah diteliti supaya bersesuaian dengan program yang akan dilaksanakan secara bulanan agar dapat memberikan impak yang berkesan kepada kumpulan sasar. Melihat kepada laporan jumlah penyertaan keseluruhan pada tahun lalu yang melebihi 1 juta orang, MOSTI optimis bahawa sasaran penyertaan seramai 1.5 juta pengunjung maya ke dalam program MSN Keluarga Malaysia pada tahun ini dapat dicapai. MOSTI mensasarkan matlamat MSN Keluarga Malaysia pada tahun ini juga akan membawa hasil yang positif malah lebih tinggi berbanding pencapaian tahun-tahun sebelum ini.

Seluruh Keluarga Malaysia khususnya para pelajar, guru, belia dan rakan kerjasama adalah dijemput untuk bersama-sama menyemarakkan lagi Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia 2022 dengan menyertai dan mengikuti program-program menarik yang akan berlangsung bermula 1 April hingga Oktober 2022 menerusi laman web [www.minggusainsnegara.com](http://www.minggusainsnegara.com).

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**1 APRIL 2022**